



YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA

Blok Z1-GF-04, Menara Ochre @ Alamanda, No. 2, Jalan Alamanda,
Presint 1, 62000 Putrajaya

KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta berpengalaman dalam industri berkaitan seperti di bawah;

NO. TENDER	:	YAPEIM/DKE-SPO/TRFP-02/2026
JENIS TENDER	:	TENDER TERBUKA
TAJUK TENDER	:	TENDER PERKHIDMATAN PEMBEKAL LEMBU/TERNAKAN SEMPENA PROGRAM INFAK QURBAN YAPEIM 2026
SYARAT KELAYAKAN PETENDER	:	a) Pendaftaran Syarikat Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – Sah dan masih aktif. b) Kapasiti & Kemampuan Pembekalan i. Mempunyai ladang ternakan sendiri dan/atau mempunyai rangkaian pembekal ternakan yang mencukupi. ii. Berkemampuan membekalkan lembu hidup mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam dokumen tender. iii. Berkemampuan menyediakan dokumen pengesanan ternakan (<i>traceability</i>) seperti rekod kesihatan, umur dan sumber ternakan. c) Pematuhan Veterinar & Kesihatan Ternakan i. Mematuhi semua keperluan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). ii. Ternakan hendaklah bebas daripada penyakit dan disahkan melalui sijil kesihatan veterinar. iii. Mempunyai prosedur pengendalian, pemindahan dan pengangkutan ternakan secara selamat dan mengikut standard kebajikan haiwan (<i>animal welfare</i>). d) Pengalaman & Prestasi i. Mempunyai pengalaman minimum 1–3 tahun dalam pembekalan ternakan hidup (Khususnya ternakan lembu). ii. Menyediakan senarai rekod projek/kontrak pembekalan terdahulu. iii. Tidak mempunyai rekod buruk atau prestasi tidak memuaskan dalam kontrak kerajaan mahupun swasta.

		e) Keupayaan Logistik & Penghantaran i. Berkemampuan menyediakan kenderaan pengangkutan ternakan yang mematuhi piawaian Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). ii. Berkemampuan untuk membekalkan lembu hidup dalam tempoh masa yang ditetapkan. iii. Mempunyai pasukan operasi/tenaga kerja yang berkelayakan untuk mengendalikan ternakan semasa proses pemindahan dan penyerahan. f) Kewangan & Pemilikan Sumber i. Mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi untuk pembelian stok ternakan.
TARIKH IKLAN	:	13 Januari 2026
TARIKH & MASA TAKLIMAT TENDER	:	15 Januari 2026, Jam 2.30 Petang (Taklimat akan diadakan secara dalam talian " online ". Pautan kepada sesi taklimat akan diberikan sebelum sesi taklimat bermula kepada syarikat yang telah membeli dokumen tender)
TARIKH & MASA LAWATAN LADANG	:	Akan dimaklumkan kemudian kepada syarikat yang disenarai pendek (<i>Shorlisted</i>).
TARIKH & MASA TUTUP TENDER	:	4 Februari 2026, Jam 12.00 tengah hari

1. Syarikat yang ingin menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN HADIR** taklimat tender yang akan diadakan pada masa seperti yang ditetapkan seperti di atas.
2. Kehadiran bagi sesi lawatan tapak / taklimat ini adalah terhad kepada dua orang wakil syarikat sahaja. Salah seorang wakil yang hadir mestilah merupakan penama yang berdaftar di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat (SSM) yang masih sah tempohnya.
3. Jualan dokumen tender bermula pada **14 Januari 2026 sehingga 30 Januari 2026**.
4. Harga dokumen tender adalah sebanyak **RM101.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Satu Sahaja)**.
5. Bayaran hanya boleh dibuat secara dalam talian (online) melalui pautan berikut, <https://pay.yapeim.my/PERKHIDMATAN-PEMBEKAL-LEMBU-TERNAKAN-SEMPENA-PROGRAM-INFAK-QURBAN-YAPEIM-2026>.
6. Resit atau bukti pembayaran hendaklah di e-mel kan kepada Seksyen Perolehan YAPEIM di perolehan@yapeim.my.
7. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang beralamat di Tingkat *Ground Floor* (G) (*Receptionist*) Ibu Pejabat YAPEIM, Menara Ochre, Putrajaya pada atau sebelum **12.00 tengah hari, 4 Februari 2026**.
8. Dokumen tender yang lewat diterima pada waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dipertimbangkan.
9. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, petender boleh menghubungi Seksyen Perolehan YAPEIM seperti nombor berikut, 03-8090 3900 samb. 8641/8642/8643/8644 atau 019-385 2385 / 012-743 2527.